



PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS

NOTIS KERJA UNDI TAHUN 2020

(PROJEK-PROJEK DI BAWAH BAHAGIAN PENTADBIRAN DAERAH, BAHAGIAN PERUMAHAN, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN PEJABAT SUK, MAJLIS SUKAN NEGERI PERLIS, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, JABATAN KERJA RAYA, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR, JABATAN PERTANIAN DAN JABATAN PERHUTANAN)

1. Kerja Undi ini adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM (CIDB)) dan telah berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR) pada 14 hingga 22 Mei 2020 dalam gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan.
2. Kontraktor yang layak memasuki Kerja Undi ini adalah kontraktor yang **BELUM** mendapat sebarang kerja sama ada **Lantikan Terus atau Undi atau Sebutharga** dalam tahun 2020. **Sila layari laman web rasmi Perbendaharaan Negeri Perlis di www.perbendaharaan.perlis.gov.my** untuk menyemak senarai kontraktor yang layak menyertai kerja undi ini.
3. Kontraktor yang ditawarkan kerja perlu ke Jabatan yang berkaitan dengan membawa Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor **ASAL** dan salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta hadir sendiri dengan membawa Kad Pengenalan **mulai 22 Jun 2020** (Isnin) bagi mendapatkan surat tawaran kerja. Pertukaran projek antara syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
4. Adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan kerja adalah secara berperingkat **mulai 01 Julai sehingga 30 November 2020** bergantung kepada susunan kerja di peringkat jabatan.
5. Proses Kerja Undi akan disiarkan secara langsung melalui laman rasmi *Facebook* Pejabat Suk Perlis.


PROSES KERJA UNDI AKAN DIADAKAN PADA

TARIKH : 04 JUN 2020 (KHAMIS)

MASA : 8.30 PAGI

TEMPAT : BILIK GERAKAN 1
ARAS 3, KOMPLEKS DEWAN UNDANGAN
NEGERI PERLIS, 01000 KANGAR PERLIS

SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH,



(NASARUDDIN BIN ABDUL MUTTALIB)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PERLIS